

## Soalan Lazim

# Buy-Back Guarantee Arrangement

## MUAMALAT STEP UP AUTO FINANCING-i

### 1. Apakah itu program Buy Back Guarantee oleh myTukar?

Tawaran program oleh myTukar untuk memberikan tawaran jaminan apabila pelanggan membeli jenama kereta Mitsubishi dan Proton di bawah pengedar rangkaian EON dan ditawarkan pembiayaan *Muamalat Step Up Auto Financing-i* daripada Bank Muamalat.

### 2. Siapakah yang layak untuk menyertai program Buy Back Guarantee?

Mana-mana individu yang lulus untuk pembelian jenama kereta Mitsubishi dan Proton di bawah pengedar rangkaian EON dan ditawarkan pembiayaan *Muamalat Step Up Auto Financing-i* daripada Bank Muamalat.

### 3. Bagaimanakah caranya untuk menyertai program Buy Back Guarantee?

Tandatangani surat perjanjian Buy Back Guarantee dan serahkan kepada Pegawai Kredit Bank Muamalat beserta perjanjian jualbeli dan surat tawaran pembiayaan.

### 4. Bilakah waktu yang sesuai untuk pelanggan melaksanakan inisiatif Buy Back Guarantee?

Pelanggan boleh membuat pilihan tahun ke-3 tempoh pembiayaan '*Muamalat Step Up Auto Financing-i*' atau pada bila-bila masa yang lebih awal ("Tarikh Luput"). Walau bagaimanapun, pelanggan mesti memberikan notis 14 hari sebelum tarikh luput kepada myTukar atau Bank Muamalat bagi pengesahan tujuan berkenaan.

### 5. Bolehkah pelanggan melaksanakan inisiatif pada waktu-waktu yang lain (selain dari perkara 4) di dalam tempoh pembiayaan?

Pelanggan boleh menjual kereta mereka kepada myTukar pada bila-bila masa dalam tempoh pembiayaan atau pun selepas pembiayaan dibayar sepenuhnya. Walau bagaimanapun, nilai jaminan yang ditawarkan adalah untuk di dalam tempoh awal 3 tahun pembiayaan sahaja (tier-1).

### 6. Apakah penyertaan program Buy Back Guarantee ini merupakan langkah yang bijak?

Ya. Kerana myTukar menjamin harga yang ditawarkan tidak mengira nilai pasaran kereta semasa walaupun jika ia lebih rendah. Tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam perjanjian.

### 7. Adakah harga yang ditawarkan di dalam surat perjanjian Buy Back Guarantee adalah muktamad atau ia boleh dirundingkan dan dibandingkan dengan harga pasaran semasa sewaktu penjualan kereta ke myTukar?

Bergantung pada kes-kes tertentu dengan alasan yang munasabah.

Scan to Apply



Terms & conditions apply.



03 2600 5500  
[www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my)



## Soalan Lazim

# Buy-Back Guarantee Arrangement

## MUAMALAT STEP UP AUTO FINANCING-i

**8. Jika satu atau lebih terma & syarat tidak dipenuhi, adakah pelanggan masih boleh menjual kereta mereka kepada myTukar?**

Ya tetapi tidak pada nilai yang ditawarkan. Bergantung pada kes-kes tertentu berdasarkan keadaan kereta sewaktu dijual.

**9. Adakah wajib untuk pelanggan menjual kereta kepada myTukar di kemudian hari di bawah program Buy Back Guarantee ini?**

Tidak. Walau bagaimanapun, myTukar menawarkan nilai terjamin yang tinggi dan mempunyai kitaran eko untuk menyokong pembelian dan penjualan kereta terpakai anda termasuk perkhidmatan selepas jualan dan servis.

**10. Bolehkah pelanggan menjual kereta mereka ke myTukar selepas tahun ke-3 tempoh pembiayaan?**

Ya, namun anda tidak dapat menikmati harga seperti harga buyback guarantee.

**11. Jika pelanggan membeli kereta daripada jenama kereta Mitsubishi atau Proton di bawah pengedar rangkaian EON tetapi ditawarkan pembiayaan daripada Bank lain selain Bank Muamalat, adakah pelanggan layak untuk menyertai program Buy Back Guarantee ini?**

Tidak boleh.

**12. Jika pelanggan membeli jenama kereta Mitsubishi dan Proton daripada pengedar lain selain pengedar rangkaian EON tetapi diberikan pembiayaan oleh Bank Muamalat. Adakah pelanggan layak untuk menyertai program Buy Back Guarantee ini?**

Tidak boleh.

**13. Jika pelanggan membeli jenama kereta Mitsubishi dan Proton di bawah pengedar rangkaian EON dan diberi pembiayaan Bank Muamalat (selain daripada Muamalat Step Up Auto Financing-i).**

Adakah pelanggan layak untuk menyertai program Buy Back Guarantee ini?

Tidak boleh.

**14. Jika nilai pasaran kereta adalah lebih tinggi atau lebih rendah daripada nilai yang ditawarkan di dalam Surat Perjanjian Buy Back Guarantee, nilai manakah yang akan menjadi nilai muktamad yang akan ditawarkan oleh myTukar?**

Jika nilai pasaran semasa adalah lebih tinggi daripada nilai yang dijamin, myTukar akan membeli kereta anda pada harga pasaran.

Jika nilai pasaran semasa adalah lebih rendah daripada nilai yang dijamin, myTukar akan membeli pada nilai yang ditawarkan.

[Scan to Apply](#)



Soalan Lazim

## Buy-Back Guarantee Arrangement

MUAMALAT STEP UP AUTO FINANCING-i

**15. Jika pengedar kereta terpakai lain / individu menawarkan nilai belian yang lebih tinggi daripada nilai tawaran yang dijanjikan oleh myTukar. Bolehkah myTukar mempertimbangkan sebarang rundingan untuk membeli pada harga yang lebih tinggi?**

Ya. Bergantung pada kes-kes tertentu dengan bukti sahih bahawa harga yang ditawarkan di tempat lain adalah lebih tinggi.

**16. Siapakah yang boleh dihubungi jika terdapat sebarang pertanyaan lanjut berkaitan dengan program Buy Back Guarantee ini?**

Sila hubungi khidmat pelanggan myTukar di **03-7890 4499** atau hantar pertanyaan anda melalui e-mel di **cs@myTukar.com**

Terms & conditions apply.



mybankmuamalat

Scan to Apply



03 2600 5500  
[www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my)

